



1 Ogos 2024
1 August 2024
P.U. (A) 206

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(PELESENAN) (PENGECUALIAN) (PINDAAN) 2024

*COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA
(LICENSING) (EXEMPTION) (AMENDMENT) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998
PERINTAH KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (PELESENAN) (PENGECUALIAN)
(PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 126(1) dan 205(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) (Pengecualian) (Pindaan) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) (Pengecualian) 2000 [*P.U. (A) 125/2000*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “perkhidmatan aplikasi kandungan Internet” takrif yang berikut:

“perkhidmatan media sosial” ertinya suatu perkhidmatan aplikasi yang menggunakan perkhidmatan capaian Internet yang membolehkan dua atau lebih pengguna untuk mereka, memuat naik, berkongsi, menyebarkan atau mengubah suai kandungan;’ dan

(b) dengan memasukkan sebelum takrif “perkhidmatan rangkaian persendirian” takrif yang berikut:

‘ “perkhidmatan pesanan Internet” ertinya suatu perkhidmatan aplikasi yang menggunakan perkhidmatan capaian Internet yang membolehkan seorang pengguna untuk menyampaikan apa-apa bentuk pesanan dengan seorang pengguna yang lain; ’.

Pindaan perenggan 5

3. Perenggan 5 Perintah ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (c), dengan memotong perkataan “atau”;
- (b) dalam subperenggan (d), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (d) subperenggan yang berikut:
 - “(e) perkhidmatan pesanan Internet yang mempunyai kurang daripada lapan juta pengguna di Malaysia; atau
 - (f) perkhidmatan media sosial yang mempunyai kurang daripada lapan juta pengguna di Malaysia.”.

Dibuat 26 Julai 2024
[KKD.PUU.(S).100-1/1/12; PN(PU2)601/JLD.13]

AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
Menteri Komunikasi

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA ACT 1998

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA (LICENSING) (EXEMPTION) (AMENDMENT)
ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by subsections 126(1) and 205(1) of the Communications and Multimedia Act 1998 [*Act 588*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Communications and Multimedia (Licensing) (Exemption) (Amendment) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2025.

Amendment of paragraph 2

2. The Communications and Multimedia (Licensing) (Exemption) Order 2000 [*P.U. (A) 125/2000*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 2—

(a) by inserting after the definition of “public payphone facility” the following definition:

‘ “social media service” means an applications service which utilizes Internet access service that enables two or more users to create, upload, share, disseminate or modify content;’ and

(b) by inserting after the definition of “Internet cross-connect equipment” the following definition:

‘ “Internet messaging service” means an applications service which utilizes Internet access service that enables a user to communicate any form of messages with another user;’.

Amendment of paragraph 5

3. Paragraph 5 of the principal Order is amended—

- (a)* in subparagraph *(c)*, by deleting the word “or”;
- (b)* in subparagraph *(d)*, by substituting for the full stop at the end of the subparagraph a semicolon; and
- (c)* by inserting after subparagraph *(d)* the following subparagraphs:
 - (e)* Internet messaging service which has less than eight million users in Malaysia; or
 - (f)* social media service which has less than eight million users in Malaysia.”.

Made 26 July 2024

[KKD.PUU.(S).100-1/1/12; PN(PU2)601/JLD.13]

AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
Minister of Communications